

NOTIS TENDER

TENDER NO. T180202 - RENEWAL OF LOWER BROW AT BERTH NO. 3 OF FERRY TERMINAL, PANGKALAN RAJA TUN UDA, PENANG.

Saya telah diarah untuk memaklumkan kepada tuan bahawa Penang Port sedang mengeluarkan tawaran untuk kontrak di atas. Tender adalah dipelawa kepada kontraktor/syarikat yang:

- 1. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).**
- 2. Kontraktor dengan Pendaftaran CIDB dalam Gred G2, Kategori CE, melalui Kod Bidang CE21**

Sekiranya tuan berminat, Borang Tender yang berharga **RM106.00** (Ringgit Malaysia : Seratus Enam Sahaja) termasuk 6% GST boleh dibeli melalui wang tunai/bank deraf sahaja (wang tidak akan dikembalikan) di Unit Perolehan, Tingkat 1 Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran Penang Port Sdn. Bhd., Pulau Pinang pada waktu-waktu pejabat, sebelum jam 4.30 petang. Lawatan ke tapak kerja akan di adakan pada :

Tarikh : 13hb Februari 2018 (Selasa)

Waktu : 10.00 pagi.

Tempat : Pejabat Pegawai Bertugas ("D.O's Office"), Pengkalan Raja Tun Uda, Pulau Pinang

Lawatan tapak adalah penting bagi tujuan memahami skop kerja. Kehadiran penender akan diambilkira semasa proses penilaian tender.

Sehubungan itu, pihak Tuan dikehendaki memenuhi keperluan keselamatan dengan pemakaian lengkap jaket dan topi keselamatan semasa menghadiri lawatan tapak ini. Pihak tuan adalah tidak dibenarkan memasuki kawasan atau premis Penang Port tanpa memenuhi syarat keselamatan ini.

Tawaran sebutharga yang telah lengkap hendaklah dimeterai dan bertanda:

"TENDER NO. T180202 - RENEWAL OF LOWER BROW AT BERTH NO. 3 OF FERRY TERMINAL, PANGKALAN RAJA TUN UDA, PENANG."

dan dimasukkan ke dalam **Peti Tender "A"** di Unit Kasir, Bahagian Kewangan, Tingkat 1, Bangunan Ibu Pejabat Pentadbiran, Penang Port Sdn. Bhd., No. 1, Pesara King Edward, 10300 Pulau Pinang.

Waktu-waktu penyerahan Tawaran Sebutharga

Isnin - Khamis : 8.15 pagi - 4.30 petang.

Jumaat : 8.15 pagi - 12.45 tengahari/2.45 petang – 4.30 petang.

Tarikh tutup tawaran ialah pada **28hb Februari 2018 (Rabu)** tidak lewat dari **jam 12.00 tengahari**. Tawaran tender yang lewat tidak akan dilayan.

Penang Port tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran atau sebahagian daripada tawaran atau yang terendah sekali.